

2 Mac 2026 - Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) atas kesempatan menyampaikan cenderamata penghargaan kepada Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), YBhg Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim sempena persaraan beliau yang berkuat kuasa pada 4 Mac 2026.

Cenderamata dari Insitut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah disampaikan sendiri oleh Ybrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN selepas selesai Mesyuarat Ketua- Ketua Jabatan dan Pengurusan NRES Bil. 4/2026 yang berlangsung semalam.

Cenderamata tersebut diberikan sebagai tanda penghormatan dan penghargaan atas kepada YBhg. Datuk KSU NRES atas kepimpinan serta jasa bakti beliau sepanjang menerajui kementerian.

Karya istimewa ini menjadi simbol penghormatan dan tanda ingatan tulus ikhlas daripada seluruh warga INSTUN kepada YBhg. Datuk KSU. Semoga segala jasa dan sumbangan beliau terus dikenang dan menjadi inspirasi buat kita semua.



